

NO. SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 3 APRIL 2018

RUJUKAN : 10637

SOALAN:

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mula menyiasat laporan polis mengenai kes pemindahan tanah milik FELDA di Jalan Semarak, serta perkembangan terkini dan tindakannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menjalankan siasatan berkait THSL 36636/ 2017 dan THSL 38223/2017 berkaitan isu pindah milik tanah FELDA di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Penipuan).

Sehingga kini seramai 15 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 24 Januari 2018 dan dikembalikan semula pada 26 Januari 2018 dengan beberapa arahan diberikan untuk diambil tindakan oleh pihak polis.

Kementerian tidak dapat mendedahkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini kerana masih dalam siasatan pihak polis.

SOALAN (55)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

SOALAN :-

YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Jabatan Bomba bercadang untuk mengenakan ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin daripada kebakaran bagi bangunan-bangunan tinggi baru, ini kerana kebakaran di bangunan-bangunan tinggi yang dimiliki oleh jabatan-jabatan strategik seperti milik PDRM dan KWSP kerap berlaku.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua bangunan yang dibina di negara ini adalah **mematuhi ciri-ciri keselamatan kebakaran sebagaimana yang digariskan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.** Undang-undang Kecil ini yang menjadi rujukan utama bagi keperluan keselamatan dan pencegahan kebakaran, adalah selaras dengan piawaian dan amalan keselamatan kebakaran antarabangsa. Oleh itu kerajaan **tidak bercadang** untuk mengenakan ciri-ciri keselamatan tambahan kerana undang-undang sedia ada **sudah memadai.**

Apa yang perlu dititikberatkan ialah **penguatkuasaan** dan pemeriksaan susulan yang lebih kerap ke atas bangunan-bangunan yang telah diduduki kerana dikhawatiri pemilik bangunan **gagal menyelenggara** sistem keselamatan kebakaran menjadikannya tidak berfungsi apabila berlaku kebakaran. Kerajaan yakin, sekiranya semua arahan pihak berkuasa dipatuhi dan aspek keselamatan kebakaran tidak diabaikan, kejadian kebakaran bangunan tinggi tidak akan berlaku lagi di negara ini.

139

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)

SOALAN : 56

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah penyeragaman had muatan lori antara Sabah dan Semenanjung boleh dilaksanakan. Bagaimana dan bilakah Kementerian dapat menyelesaikan isu 3 jenis lesen lori yang diguna pakai di Sabah sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Had berat dengan muatan (BDM) sesebuah kenderaan adalah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989. Penetapan had maksimum BDM adalah mengambilkira keupayaan/ketahanan jalan raya dan jambatan di sesuatu tempat untuk menampung berat muatan bagi tujuan mengelakkan kerosakan struktur jalan yang menjadi antara penyebab kemalangan jalan raya.

Mengikut maklumat yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya, bagi jalan-jalan Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Labuan, Kajian Bridge Capacity pada 2011 mendapati bahawa 99 bilangan jambatan perlu diganti bagi membolehkan had berat maksimum kenderaan 6 gandar dinaikkan dari 38 tan kepada 50 tan. Sebahagian pelaksanaan penggantian 99 jambatan ini, telah mula dilaksanakan di dalam RMK-11. Manakala sebahagian lagi jambatan termasuk dalam skop jajaran Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu perbezaan kadar Lesen Kenderaan Motor (LKM) di antara negeri Sabah dengan Semenanjung Malaysia, adalah dimaklumkan, secara amnya kadar pengiraan LKM untuk kenderaan barang di Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah berasaskan Berat Dengan Muatan (BDM). Namun, hanya 3 jenis kenderaan barang sahaja yang berbeza asas pengiraannya di antara negeri Sabah dengan Semenanjung

Malaysia iaitu jenis Pengerak Utama Kontena, Pengerak Utama Trailer dan Pengerak Utama Jentera Bergerak. Bagi Semenanjung Malaysia, berat kerb digunakan sebagai asas pengiraan berbanding di Sabah yang menjadikan BDM sebagai asas.

Walau bagaimanapun Kerajaan sedang menimbang untuk menyeragamkan kadar LKM tersebut.